



LATAR BELAKANG KITAB IHYA' 'ULUMUDDIN

Sejarah pengajian kitab Ihya' 'Ulumuddin di surau ini.

Bermula pada 26 Februari 2014.

Diadakan sebulan sekali, pada hari Rabu ke-4 setiap bulan.

Siapakah pengarang kitab Ihya' 'Ulumuddin?

Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali.

(Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali).

Apakah antara kelebihan Imam Al-Ghazali?

- Beliau merupakan mujaddid untuk kurun ke-5 Hijrah.

- Mujtahid mutlak dalam tasawuf.
- Mujtahid mazhab dalam fiqh Mazhab Asy-Syafi'i.

Bagaimanakah cara Imam Al-Ghazali meninggal dunia?

Ibnu al-Jawzi meriwayatkan dalam kitab Al-Thabat 'Inda al-Mamat. Menurut Imam Ahmad Al-Ghazali (adik Imam Al-Ghazali), pada hari Isnin 14 Jamadil Akhir, menjelang Subuh, Imam Al-Ghazali mengambil wuduk lalu mendirikan solat Subuh. Selepas solat, dia meminta dibawakan kepadanya kain kafannya, diciumnya sambil berkata : "Kami dengar dan kami taat dengan penuh persediaan untuk hadir ke hadrat Allah Ta'ala - Raja Yang Berkuasa." Kemudian dia melunjurkan kakinya, menghadpa qiblat dan meninggal dunia sebelum matahari naik.

Apakah maksud Ihya' 'Ulumuddin?

Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama.

Mengapa dinamakan Ihya' 'Ulumuddin?

Antaranya kerana pada zaman itu, orang-orang yang bergelar ulama ramai dan pembangunan ilmu sangat pesat, tetapi seolah-olah tiada ruh. Hal ini kerana mereka hanya menumpukan aspek zahir sedangkan aspek dalaman (tasawuf) makin diabaikan.

Bagaimanakah pembahagian isi kandungan kitab Ihya' ini?

Kitab ini terdiri daripada 40 kitab di dalamnya, dan Kitab Ilmu ialah kitab yang pertama.

Berapa lama masa diperlukan untuk mengkhatamkan keseluruhan kitab Ihya' ini?

1. Jika disyarahkan secara terperinci seminggu sekali, mungkin akan dapat dikhatamkan dalam 20 ke 23 tahun. (Contohnya di Surau An-Nur, Sg. Nyior).

2. Jika disyarahkan secara ringkasan yakni sebulan sekali, juga mungkin dalam 20-23 tahun. (Contohnya di Surau Al-Akhbar, Sg Kerang ini).
3. Jika disyarahkan secara terperinci sebulan sekali, mungkin akan memakan masa selama 80 tahun lebih.

Sebagai perbandingan, Kitab Ilmu di Sg. Nyior dikhatamkan dalam **82 kali kuliah**, manakala di Sg. Kerang ini hanya dalam **17 kali** sahaja.

Isi kandungan kitab Ihya' dibahagikan kepada 4 bahagian besar iaitu :

1. Bahagian Ibadah (10 kitab).
2. Bahagian Pekerjaan Sehari-hari (10 kitab).
3. Bahagian Perbuatan-perbuatan yang Membinasakan @ Sifat-sifat Mazmumah (10 kitab).
4. Bahagian Perbuatan-perbuatan yang Menyelamatkan @ Sifat-sifat Mahmudah (10 kitab).

Bahagian Ibadah terdiri daripada kitab :

1. Ilmu.
2. Kaedah-kaedah I'tiqad (Tauhid).
3. Rahsia Bersuci.
4. Rahsia Solat.
5. Rahsia Zakat.
6. Rahsia Puasa.
7. Rahsia Haji.
8. Adab Membaca Al-Quran.
9. Zikir dan Doa.
10. Wirid.

Bahagian Pekerjaan Sehari-hari terdiri daripada kitab :

1. Adab Makan.
2. Adab Perkahwinan.
3. Bekerja.

4. Halal dan Haram.
5. Adab Bergaul.
6. 'Uzlah.
7. Adab Bermusafir.
8. Mendengar dan Merasa.
9. Amar Ma'ruf Nahi Munkar.
10. Adab Kehidupan Nabi.

Bahagian Perbuatan-perbuatan Yang Membinasakan (Sifat-sifat Mazmumah) terdiri daripada kitab :

1. Keajaiban Hati.
2. Latihan Jiwa.
3. Bahaya Nafsu Perut dan Kemaluan.
4. Bahaya Lidah.
5. Bahaya Marah, Dendam dan Dengki.
6. Tercelanya Dunia.
7. Tercelanya Harta dan Kikir.
8. Tercelanya Sifat Suaka Akan Kemegahan dan Riya'.
9. Tercelanya Sifat Takbur dan 'Ujub.
10. Tercelanya Sifat Tertipu dengan Kesenangan Duniawi.

Bahagian Perbuatan-perbuatan Yang Menyelamatkan (Sifat-sifat Mahmudah) terdiri daripada kitab :

1. Taubat.
2. Sabar dan Syukur.
3. Yakut dan Harap.
4. Faqir dan Zuhud.
5. Tauhid dan Tawakkal.
6. Cinta.
7. Ikhlas.
8. Muraqabah dan Muhasabah.
9. Tafakur.
10. Mengingati Mati.

Mengapakah Kitab Ilmu ini sangat penting untuk diselesaikan?

- Kerana Kitab Ilmu ini merupakan kunci untuk kita memahami jalan Imam Al-Ghazali dan kitab Ihya' ini. Apabila sudah memahaminya, maka mudahlah untuk kita meneroka isi kitab ini kemudiannya dengan berkesan.
- Betapa pentingnya Kitab Ilmu ini sehinggakan Imam Al-Ghazali meletakkan Kitab Tauhid pun sebagai kitab ke-2 dalam kitab Ihya' 'Ulumuddin ini.

Apakah perbezaan antara kitab Ihya' dengan kitab-kitab lain yang sejalan dengannya pada zaman itu dan sebelumnya?

1. Imam Al-Ghazali memperincikan lagi isi kandungan kitab-kitab terdahulu.
2. Isi kandungan kitab-kitab terdahulu yang terpisah-pisah disusun atur dengan kemas.
3. Menapis mana-mana bahagian yang tidak begitu penting.
4. Mengelakkan penjelasan yang berulang-ulang.
5. Menyempurnakan mana-mana bahagian yang tidak lengkap atau tertinggal dalam penulisan-penulisan terdahulu.

Adik Imam Al-Ghazali juga seorang ulama besar. Siapakah dia?

Mujiduddin Imam Ahmad Al-Ghazali.

(Abu al-Futuh Ahmad bin Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali).

Siapakah antara pengikut Tariqah Al-Ghazaliyyah?

- i. Imam Ahmad Al-Ghazali (adik Imam Al-Ghazali).
- ii. Nizam al-Mulk (Perdana Menteri, murid Imam Al-Ghazali).
- iii. Imam Ibnu Tumart (pengasas Kerajaan Muwahhiddun di Maghribi, murid Imam Al-Ghazali).
- iv. Syeikh 'Ainul Qudhat (murid Imam Ahmad Al-Ghazali).
- v. Syeikh Abu al-Hasan asy-Syazili (kemudiannya mengasaskan Tariqat Asy-Syaziliyyah).

- vi. Syeikh Muhammad As-Suhaimi (kemudiannya mengasaskan Tariqat Muhammadiyyah).
- vii. Syeikh Abdul Qahir Abu Najib as-Suhrawardi.
- viii. Syeikh Abu Hafs Umar as-Suhrawardi (kemudiannya mengasaskan Tariqat Suhrawardiyyah).
- ix. Syeikh Ahmad ad-Dayurbi.
- x. Syeikh Ismail bin Muhammad Salim.
- xi. Syeikh Ibnu Faris.

Apakah antara kitab-kitab karangan Imam Al-Ghazali?

- i. Ihya' 'Ulumuddin.
 - ii. Misykat al-Anwar.
 - iii. Kimiya' as-Sa'adah.
 - iv. Ar-Risalah al-Laduniyyah.
 - v. Al-Munqiz min adh-Dhalal.
 - vi. Mukasyafah al-Qulub.
 - vii. Tahafut al-Falasifah.
 - viii. Ayyuhal Walad
 - ix. Nasihatul Mulk (nasihat untuk Raja-raja/Para Penguasa)
- Dan banyak lagi.

Apakah nama kitab-kitab lain yang berkaitan dengan kitab Ihya' ini?

- 1. Bidayatul Hidayah (Imam Al-Ghazali).
- 2. Minhaj al-'Abidin (Imam Al-Ghazali).
- 3. Hidayatus Salikin (Syeikh Abdus Samad al-Falimbani).
- 4. Siyarus Salikin (Syeikh Abdus Samad al-Falimbini).
- 5. Buku Putih Ihya'.
- 6. Bimbingan Mu'min/Bimbingan Mu'minin.
- 7. Mutiara Ihya' 'Ulumuddin.
- 8. Mau'izatul Mu'minin (Syeikh Ad-Dimasyqi).
- 9. Minhajul Qasidin (Ibnuk Jauzi & Ibnu Qudamah).

Ada orang yang cuba untuk membaca dan memahami kita Ihya' ini tetapi tidak faham ataupun tersalah faham. Mengapa?

1. Kerana tidak bertanya atau belajar daripada orang yang tahu.
2. Kerana tidak khatamkan Kitab Ilmu terlebih dahulu.
3. Kerana tidak khatamkan Kitab Tauhid selepas Kitab Ilmu.
4. Kerana tidak tahu isi kandungan kitab-kitab Imam Al-Ghazali yang lain, yang berkait rapat dengan huraian Ihya' 'Ulumuddin ini iaitu :
 - a. Kitab Kimiya'as-Sa'adah.
 - b. Kitab Misykat al-Anwar.
 - c. Kitab Ar-Risalah al-Laduniyyah.
 - d. Kitab Al-Munqiz min adh-Dhalal.

Apakah bab-bab yang terdapat dalam Kitab Ilmu?

1. Fadhillat (kelebihan) Ilmu, Menyampaikan Ilmu dan Menuntut Ilmu.
2. Ilmu-ilmu yang Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah.
3. Ilmu-ilmu yang Tercela.
4. Bahaya-bahaya Perdebatan (jidal).
5. Adab-adab Penyampai Ilmu dan Penuntut Ilmu.
6. Ulama Dunia vs Ulama Akhirat.
7. Tentang Akal.

BAB 1 : KELEBIHAN ILMU, MENYAMPAIKAN ILMU & MEMPELAJARI ILMU

Apakah Kelebihan Ilmu?

“Katakanlah : Adakah sama antara orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu?” (Az-Zumar : 28)

Tentulah tidak sama.

“Berkatalah orang yang mempunyai ilmu dari kitab : “Aku sanggup membawanya kepada engkau!” (An-Naml : 40)

“Contoh-contoh itu kami buat untuk manusia, dan tidak ada yang mengerti kecuali orang-orang yang berilmu.” (Al-‘Ankabut : 43)

Hanya orang-orang berilmu yang dapat benar-benar memahami isi kandungan Al-Quran.

“Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah untuk memperoleh kebaikan, nescaya dianugerahiNya pemahaman dalam agama dan diilhamiNya petunjuk.” (Bukhari, Muslim)

Adakah kita berasa yang diri kita semakin faham dan semakin banyak faham tentang agama dari sehari ke sehari? Ataupun pemahaman kita itu rupa-rupanya lebih sama sahaja dengan minggu yang sudah-sudah, bulan-bulan yang lalu, atau tahun-tahun sebelum ini, tidak banyak berubah pun?

“Orang berilmu itu ialah pewaris para nabi.” (Abu Dawud, Turmizi dll)

Agak-agaknya kita ini termasuklah dalam kalangan pewaris para nabi?

“Meminta ampun untuk orang-orang berilmu apa yang di langit dan di bumi.” (Abu Dawud, Turmizi dll)

Agak-agaknya kita ini termasuklah dalam golongan yang isi langit dan bumi memohonkan ampun buat kita?

“Kelebihan orang berilmu berbanding orang ‘abid ialah seperti kelebihan bulan purnama berbanding bintang-bintang lain.” (Abu Dawud)

Kita mahu berusaha menjadi “bulan purnama” ataupun sudah sangat puas hati dengan menjadi “bintang-bintang” sahaja? Atau pun kita belum jadi “bintang-bintang” pun?

“Kelebihan orang berilmu berbanding orang ‘abid adalah seperti kelebihanku daripada orang yang paling rendah dalam kalangan para sahabatku.” (Turmizi)

Saiyidina Ali berkata kepada Kumail : “Ilmu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga engkau sedangkan harta itu terpaksa engkau jaga. Ilmu itu penghukum sedangkan harta itu barang yang tertakluk kepada hukum. Harta itu berkuarang apabila dibelanjakan sedangkan ilmu itu bertambah apabila dibelanjakan.”

Kata Saiyidina Ali : “Orang berilmu adalah lebih utama daripada orang yang selalu berpuasa, solat dan berjihad.”

Kata Ibnu Abbas : “Nabi Sulaiman bin Dawud disuruh memilih antara ilmu, harta dan kerajaan. Maka dipilihnya ilmu, lalu dianugerahkanlah kepadanya bersama-sama ilmu itu harta dan kerajaan.”

Ibnul Mubarak tidak memasukkan orang tak berilmu dalam golongan manusia, kerana ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan ialah ilmu.”

Kita termasuk golongan manusia ataupun haiwan?

Kata Fathul Mausuli : “Bukankah orang yang sakit itu apabila tidak mahu makan dan minum, dia akan mati?”

Orang di sekelilingnya menjawab : “Benar.”

Lalau Fathul Mausuli menyambung : “Begitu jugalah dengan hati, apabila tidak mahu kepada hikmah dan ilmu dalam masa tiga hari, maka matilah hati itu.”

Sudah berapa kali tiga hari kita tidak bersama-sama ilmu-ilmu agama? Jadi, hati kita termasuk hati yang hidup sihatkah, hidup tak berapa sihatkah, ataupun sudah mati?

Kata Imam Al-Ghazali : “Sesungguhnya makanan hati itu ialah ilmu dan hikmah. Dengan kedua-duanyalah hati itu dapat hidup, sebagaimana tubuh itu hidup dengan makanan.”

Kata Al-Hasan : “Ditimbang tinta para ulama dan darah para syuhada’. Maka beratlah timbangan tinta para ulama berbanding darah para syuhada’.”

Kata Ibnu Mas’ud : “Demi Tuhan yang jiwaku dalam kekuasaanNya, sesungguhnya para syuhada’ dalam perang sabil itu lebih suka dibangkitkan oleh Allah nanti sebagai ulama, kerana mereka melihat kemuliaan ulama.”

Kata Ibnu Abbas, Abu Hurairah dan Ahmad bin Hanbal : “Bertukar-tukar fikiran tentang ilmu pada sebahagian daripada malam lebih aku sukai daripada beribadah pada malam itu.”

Malam-malam kita pula dihabiskan dengan apa?

Apakah Kelebihan Menuntut Ilmu?

“Sesiapa yang melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, dianugerahi oleh Allah kepadanya jalan ke Jannah (syurga).” (Muslim)

Kita mahu jalan ke syurga atau tidak?

“Sesungguhnya malaikat membentangkan sayapnya kepada penuntut ilmu sebagai tanda rela akan usahanya itu.” (Ahmad, Al-Hakim, Ibnu Hibban)

Adakah kita termasuk dalam golongan yang berada di bawah naungan sayap para malaikat?

Kata Abu Darda' : “Aku lebih suka mempelajari satu masalah daripada mengerjakan solat satu malam.”

Kata Abu Darda' : “Hendaklah engkau berilmu, atau menuntut ilmu, atau mendengar ilmu, tetapi janganlah engkau jadi yang keempat (iaitu tidak termasuk dalam yang tiga tadi) maka binasalah engkau.”

Malangnya jika kita tidak termasuk dalam tiga golongan itu.

Kata Abu Darda' : “Sesiapa yang berpendapat bahawa pergi menuntut ilmu bukan jihad, dia ialah orang yang kurang fikiran dan akal.”

Rupa-rupanya kita sedang berjihad juga.

Kata Imam Asy-Syafi'i : “Menuntut ilmu adalah lebih utama daripada melakukan ibadah sunat.”

Apakah Kelebihan Menyampaikan Ilmu?

“Siapakah lagi yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan dia melakukan amalan yang soleh?”
(Fussilat : 33)

Adakah kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang terbaik?

“Sesungguhnya dengan sebab engkau maka diberi petunjuk oleh Allah akan seseorang, (hal itu adalah) lebih baik bagi engkau daripada dunia dan isinya.” (Ahmad)

“Apabila mati seorang anak Adam, putuslah amalnya selain tiga perkara.... (salah satunya ialah) ilmu yang dimanfaatkan.” (Muslim)

Sudah berapa banyak ilmu yang dimanfaatkan yang kita wariskan kepada orang lain?

Kata Saiyidina Umar : “Barang siapa menceritakan suatu hadith lalu diamalkan orang, maka untuknya pahala sama seperti pahala yang diperoleh oleh orang yang mengamalkannya.”

Sudah berapa banyak hadith yang kita sampaikan kepada orang lain?

Kata sebahagian ulama : “ Ulama (orang berilmu agama) itu lampu segala zaman. Masing-masing ulama menjadi lampu pada zamannya. Orang-orang yang sezaman dengan dia dapat memperoleh nur (cahaya) daripada dia.”

Tak mahukah kita menjadi lampu sekurang-kurangnya kepada keluarga kita? Ada orang yang menjadi lampu kepada kampungnya, daerahnya, negerinya, negaranya dan ada yang menjadi lampu kepada dunia. Kita?

Kaya Yahya bin Mu’az : “Ulama itu lebih mengasihi umat Nabi Muhammad saw berbanding bapa dan ibu mereka sendiri.”

Lalu orang bertanya : “Bagaimana boleh jadi begitu?”

Jawab Yahya : “Kerana bapa dan ibu mereka memeliharanya daripada neraka dunia, sedangkan para ulama memeliharanya daripada neraka akhirat.”

Dalil-dalil Akal Tentang Kemuliaan Ilmu

Berilmu adalah salah satu sifat kesempurnaan bagi Allah. Seluruh ilmu adalah ilmunya Allah. Maksudnya ilmu dan berilmu itu mulia kerana berkait dengan Allah sendiri.

Para malaikat dan nabi-nabi mulia kerana ilmu. Jika kita hendak mulia di akhirat khususnya dan di dunia amnya, mestilah dengan ilmu.

Haiwan yang lebih pandai adalah lebih baik daripada haiwan yang kurang pandai. Maka manusia yang lebih berilmu adalah lebih bagus daripada manusia yang kurang/tidak berilmu.

Makhluk yang paling mulia ialah manusia (bukannya jin, malaikat, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda, bidadari dan sebagainya). Yang paling mulia pada diri manusia manusia ialah hatinya (bukannya mana-mana organ atau anggota badan). Kerja seorang guru ialah menghubungkan dan menyampaikan hati tadi kepada Allah Yang Maha Mulia. Maksudnya kerja seorang penyampai ilmu ialah mentarbiyyah yang paling mulia (iaitu hati) pada diri makhluk yang paling mulia (iaitu manusia) menuju kepada Yang Maha Mulia (iaitu Allah). Alangkah mulianya peranan seorang penyampai ilmu?

BAB 2 –ILMU2 YANG FARDHU ‘AIN & FARDHU KIFAYAH

Apakah maksud ilmu-ilmu yang fardhu ‘ain?

Ilmu-ilmu yang mesti setiap orang mengetahuinya. Jika dengan sengaja tidak ambil kesah untuk mengetahuinya, individu tersebut akan mendapat dosa.

Apakah maksud ilmu-ilmu yang fardhu kifayah?

Ilmu-ilmu yang mesti diketahui oleh sekurang-kurangnya satu orang dalam satu-satu kelompok masyarakat. Jika dengan sengaja tidak ada walau satu orang yang tahu tentangnya, maka seluruh masyarakat itu berdosa.

Apakah ilmu-ilmu yang menjadi fardhu 'ain kepada kita?

Ilmu mu'amalah. Dan ada khilaf tentang fardhu 'ainnya ilmu mukasyafah.

Apakah ilmu mu'amalah yang menjadi fardhu 'ain itu?

Betulkan aqidah, lakukan apa yang Allah perintahkan dan tinggalkan apa yang Allah larang.

Bagaimanakah tingkatan-tingkatan wara'?

1. Warak orang-orang awam. Tidak melakukan dosa-dosa besar dan berusaha mengelakkan dosa-dosa kecil. Orang yang mencapai tingkat ini layak menjadi saksi, hakim dan wali.
2. Warak orang-orang soleh. Perkara-perkara syubhat (yang belum tentu salah atau tidak) pun dijauhkannya.
3. Orang rang-orang bertaqwa (muttaqin). Perkara-perkara yang dibolehkan/diharuskan pun ditinggalkannya sekiranya berkemungkinan mencenderungkan dia kepada yang haram.
4. Warak orang-orang siddiq . Berpaling selain kepada Allah Taala. Satu saat pun daripada usianya tidak mahu disia-siaknya selain untuk Allah.

Umumnya tarbiyyah fiqh membentuk manusia golongan 1 manakala tarbiyyah tasawuf mengkualitikan lagi sehingga menjadi golongan 2, 3 dan akhirnya 4.

Contohnya dalam soal ibadah solat, solat dikira ok pada fiqh apabila cukup syarat-syaratnya, cukup rukun-rukunnya, dan tidak melakukan perkara-perkara yang membatalkan solat.

Tetapi pada tasawuf, semua itu tidak mencukupi selagi tidak ada khusyuknya, tawadhuknya, cintanya, takut dan harapnya dsb pada ibadah solat itu.

Ringkasnya, fiqh menentukan sama ada sesuatu amalan itu lulus ataupun tidak, manakala tasawuf menentukan sama ada sesuatu amalan itu berkualiti atau tidak.

Contoh mudah – Sangat ramai orang yang lulus peperiksaan SPM tetapi hanya sebahagian daripadanya mendapat keputusan yang berkualiti.

Apakah 3 kepercayaan Aristotle, Al-Farabi dan Ibnu Sina yang dipandang kufur oleh Imam Al-Ghazali?

1. Mereka percaya bahawa alam ini qadim. Padahal yang qadim hanyalah Allah, bukannya mana-mana makhluk.
2. Mereka percaya bahawa ada perkara yang tidak diketahui oleh Tuhan. Padahal Tuhan Maha Mengetahui.
3. Mereka percaya bahawa yang akan dibangkitkan semula nanti pada hari akhirat hanyalah ruh, bukan jasad. Padahal yang akan dibangkitkan ialah ruh dan jasad sekaligus.

Apakah ilmu-ilmu yang merupakan jalan ke akhirat?

Ada dua macam iaitu ilmu mukasyafah dan ilmu mu'amalah.

Apakah ilmu mukasyafah itu?

Dinamakan ilmu batin. Merupakan kesudahan segala ilmu.

Kata sebahagian 'ariffin (orang-orang yang arif) : “Orang yang tidak mempunyai bahagian daripada ilmu mukasyafah ini, aku khuatir akan

buruk kesudahannya. Sekurang-kurang bahagian daripadanya ialah mengakui ilmu itu dan tunduk kepada ahlinya.”

Untuk mencapai ilmu ini, hati hendaklah bersih daripada sifat-sifat mazmumah (sifat2 yang tercela)

Apakah ilmu mu’amalah itu?

Ilmu tentang hati, iaitu tentang sifat-sifat mahmudah (sifat2 yang terpuji pada syara’) dan sifat2 mahmudah (sifat2 yang dikeji pada syara’).

Contoh sifat-sifat mahmudah ialah sabar, syukur, cinta Allah, takut dan harap akan Allah, zuhud, ikhlas, tawakkal dan sebagainya.

Contoh sifat-sifat mazmumah ialah dengki, suka disanjung-sanjung, marah kepada taqdir, takbur, riya’, terlebih sensitif, panas baran dan sebagainya.

Hukum mempelajari ilmu mu’amalah ini ialah fardhu ‘ain.

Bagaimana mahu mengenal pasti, mengekang dan menundukkan sifat-sifat mazmumah itu?

Kenalah belajar, tahu dan faham akan tanda-tandanya, sebab-sebabnya dan cara-cara menghilangkannya.

Apakah bahayanya jika kita tidak tahu tentang itu semua?

Besar kemungkinan kita sudah lama terkena sifat-sifat mazmumah itu tanpa kita menyedarinya.

Siapakah imam-imam mazhab fiqh yang ramai pengikutnya?

1. Imam Asy-Syafi’i (pengasas Mazhab Fiqh Syafi’i).
2. Imam Malik (pengasas Mazhab Fiqh Maliki)
3. Imam Ahmad bin Hanbal (pengasas Mazhab Fiqh Hanbali).

4. Imam Abu Hanifah (pengasas Mazhab Fiqh Hanafi).
5. Imam Sufyan ath-Thauri (pengasas Mazhab Fiqh Ath-Thauri)

Apakah kualiti penting yang ada pada mereka?

1. 'Abid (ahli ibadah, suka dan banyak beribadah).
2. 'Alim (banyak ilmu dalam hal ehwal agama).
3. Zahid (zuhud, tidak terpengaruh dengan kehebatan keduniaan).
4. Faham akan kepentingan umat.
5. Ikhlas, mengharapkan Wajah Allah semata-mata.

BAB 3 – TENTANG ILMU-ILMU YANG TERCELA

Mengapakah sesuatu ilmu itu menjadi tercela?

1. Kerana ilmu itu pasti membawa kemelaratan. Kemelaratan berlaku kepada orang itu sendiri dan orang lain. Contohnya ilmu sihir.
2. Kerana ilmu itu biasanya membawa kemelaratan. Contohnya ilmu nujum (ilmu perbintangan).
3. Kerana ilmu itu belum sampainya dituntut lalu memudaratkan penuntutnya. Contohnya belajar yang halus-halus sebelum yang kasar-kasar, yang tinggi-tinggi sebelum yang rendah-rendah, yang dalam-dalam sebelum yang luar-luar, dan seumpamanya.

Bagaimanakah pembahagian ilmu nujum?

Ilmu nujum itu terbahagi kepada dua iaitu ilmu nujum yang dibenarkan dan ilmu nujum yang tidak dibenarkan.

Ilmu nujum yang dibenarkan ialah yang melibatkan hisab/falak.

Mengapakah ilmu nujum yang salah itu tidak dibenarkan agama?

1. Kerana ia bawa mudarat kepada kebanyakan orang.
2. Kerana ilmu nujum itu lebih banyak tekaan sahaja.

3. Kerana ilmu nujum itu membuang masa berharga kita. Itulah sekurang-kurangnya.

Apakah antara istilah yang sudah terubah maksudnya daripada maksud yang difahami oleh orang-orang soleh pada abad pertama Hijrah?

1. Fiqh.
2. Ilmu.
3. Tauhid.
4. Tazkirah.tazkirah/zikir.
5. Hikmah.

Fiqh

Pada asalnya bermaksud ilmu jalan ke akhirat, iaitu ilmu berkaitan hati dan tasawuf. Ini ini berupa peringatan dan penakutan. Fiqh ialah pengertian-pengertian keimanan, bukannya ilmu tentang fatwa, bukannya ilmu hukum-hakam dan ilmu cara-cara.

Antara buktinya dalam Surah Al-Baqarah ayat 122 :

“Untuk berfiqh dalam agama dan memberi peringatan kepada kaumnya apabila telah kembali kepada mereka.”

“Bagi mereka hati yang tidak berfiqh dengan hati itu.” (Al-A’raf : 179)

Ilmu

Asalnya bermaksud ilmu tentang Allah dan ayat-ayatNya. Bukannya mahir atau banyak berdebat dalam soal-soal yang berlaku khilaf.

Antara buktinya, ketika Saiyidina Umar meninggal dunia, Ibnu Mas’ud mengatakan : “Sudah mati 9 per 10 ilmu.” Yang mati itu bukanlah ilmu-ilmu agama sebagaimana yang kita maklumi hari ini, tetapi ilmu tentang Allah.

Tauhid

Asalnya bermaksud berfaham bahawa segala-galanya ialah daripada Allah. Bukannya ilmu kalam. Ilmu kalam itu hanyalah kulit.

Pembahagian kulit dan isi tauhid menurut Al-Ghazali :

1. Kulit pertama – mengucapkan “Laa Ilaah illallah”.
2. Kulit kedua – mengimani ucapan kalimah itu tadi.
3. Isi tauhid – Berabdi kepada Allah semata-mata dan berilmu hakikat.

Tazkir/Zikir

Asalnya bermaksud ingat akan Allah dan hal ehwal agama. Bukannya cerita-cerita selain itu.

Hikmah

Hal-hal yang baik yang berkaitan dengan agama. Bukannya ilmu para tabib (doktor/bomoh), ahli sastera, ahli falsafah, ahli nujum dll.

Apakah ilmu yang terpuji yang tertinggi?

Ilmu tentang Allah.

Tahap-tahap pelajaran ilmu agama (pada zaman Imam Al-Ghazali)

Ilmu tafsir Al-Quran

1. Yang singkat – setebal dua kali ganda Al-Quran. Contohnya Tafsir Al-Wajiz karangan Ali Al-Wahidi An-Nisaburi.
2. Yang sederhana – setebal 3 kali ganda Al-Quran.
3. Yang tinggi – lebih daripada itu.

Ilmu hadith

1. Yang singkat – Sahih Bukhari dan Muslim.
2. Yang sederhana – ditambah dengan kitab-kitab hadith lain.

3. Yang tinggi – seluruh ilmu mustalah hadith.

Ilmu fiqh

1. Yang singkat – contohnya kitab Mukhtasar Al-Muzani.
2. Yang sederhana – contohnya kitab Al-Wasith min al-Mazhab karya Imam Al-Ghazali, 3 kali ganda kitab Mukhtasar Al-Muzani.
3. Yang tinggi – kitab-kitab yang lebih daripada itu.

Ilmu kalam

1. Yang singkat – sebagaimana yang dimuatkan oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya' ini.
2. Yang sederhana – setebal kitab Al-I'tisad fil I'tiqad karya Imam Al-Ghazali.
3. Yang mendalam – tak digalakkan oleh Imam Al-Ghazali.

BAB 4 – TENTANG PERDEBATAN & BAHAYA-BAHAYANYA

Apakah bahaya-bahaya perdebatan?

Antara bahaya perdebatan ialah :

1. Mewujudkan dengki-mendengki.
2. Mewujudkan sifat sombong, takbur, bongkak.
3. Mewujudkan perasaan dendam.
4. Memungkinkan mengumpat lawannya.
5. Menunjuk-nunjuk bahawa dirinya baik.
6. Mencari-cari lalu menyebarkan aib-aib lawannya, padahal tak berkenaan pun dengan isi perdebatan.
7. Seronok kalau lawannya susah, susah hati kalau lawannya seronok.
8. Memuji –muji lawannya padahal tak ikhlas pun (sikap munafik).
9. Malu dan berat hati untuk mengakui kebenaran pihak lawan.
10. Riya' – menunjuk-nunjuk amalnya kepada orang.

Bagaimanakah perdebatan yang sihat itu?

1. Para pendebat itu hendaklah orang yang layak, sudah selesai ilmu-ilmu fardhu 'ainnya yang asas.
2. Acara debat itu boleh dilangsungkan sekiranya ketika itu tidak ada hal-hal lain yang bersifat fardhu kifayah perlu diselesaikan.
3. Pendebat hendaklah bertaraf mujtahid sekiranya maksud perdebatan itu memungkinkan berlakunya perubahan pandangan dalam hal ehwal mazhab.
4. Perkara yang didebatkan itu mestilah yang relevan, yang sedang atau bakal berlaku tidak lama lagi.
5. Lebih baik diadakan di tempat yang jauh daripada orang lain.
6. Memandang lawan debat itu sebagai seorang sahabat yang sama-sama sedang mencari barang yang hilang. Siapa pun yang menjumpai barang itu, kedua-duanya kena saling bergembira.
7. Permudahkan, jangan menyulitkan.
8. Hendaklah para pendebat itu orang yang berkelayakan.

BAB 5 - ADAB-ADAB PENUNTUT ILMU & MURSYID

Apakah adab-adab (tugas/tanggungjawab) seseorang penuntut ilmu?

1. Berusaha gigih untuk membersihkan hati. Hal ini kerana ilmu itu mulia, ia tidak akan jatuh pada tempat yang tidak mulia. Apabila hati kita semakin bersih dan semakin mulia, mudahlah dan banyaklah ilmu yang akan mendudukinya.
2. Hendaklah memperuntukkan ruang dan waktu yang khusus dalam menuntut dan mengamalkan ilmu-ilmu yang dipelajari.
3. Tidak bersikap sombong terhadap guru, tidak melawan guru, berusaha untuk mendahulukan sangka baik terhadap guru.
4. Pada peringkat awal pembelajaran, elakkan daripada mendengar hal-hal khilaf. Nanti akan meragu-ragukan hati.
5. Pelajarilah ilmu-ilmu yang asas-asas keseluruhannya, kemudian barulah memilih sesuatu pengkhususan.

6. Beri lebih tumpuan kepada ilmu yang lebih penting berbanding ilmu yang penting-penting. Tentunya termasuklah ilmu jalan ke akhirat yang bertaraf fardhu 'ain itu iaitu ilmu mukasyafah dan ilmu mu'amalah.
7. Mengikut tertib sukatan pelajaran.
8. Faham akan kemuliaan hasil ilmu-ilmu.
9. Niat menuntut ilmu kerana Allah, bukan untuk mendapatkan sesuatu yang berbentuk keduniaan.
10. Tahu nilai dan peranan ilmu itu di sisi Tuhan.

Apakah adab-adab (tugas/ tanggungjawab) seseorang guru?

1. Bersifat kasih sayang terhadap para pelajarnya.
2. Ikhlas mengajar kerana Allah (mengharapkan Wajah Allah semata-mata).
3. Berusaha mengawal sukatan pelajaran seseorang murid. Pantau agar mereka tidak melompat sukatan sesuka hati.
4. Bijaksana/berhikmah dalam menegur murid. Dahulukan kinayah (sindiran secara lunak) sebelum secara terus-terang. Jangan sesekali mengejek.
5. Jangan merendah-rendahkan mata pelajaran lain dalam ilmu agama ini. Contoh : guru tafsir jangan merendah-rendahkan guru, ilmu dan pelajar ilmu fiqh.
6. Mengajar murid-muridnya mengikut tahap dan kesesuaian murid itu. Ilmu yang belum sampai masanya untuk diberikan, jangan beri dulu.
7. Kepada murid-murid yang singkat kemampuannya, jangan dipromosikan kepadanya ilmu-ilmu yang tinggi-tinggi. Nanti hatinya jadi lemah untuk belajar.
8. Guru hendaklah berusaha untuk mengamalkan ilmu dan ajarannya.

BAB 6 - TANDA-TANDA ULAMA AKHIRAT

Apakah antara tanda seseorang itu ulama akhirat?

1. Tidak mencari kemewahan dunia melalui ilmu agamanya.
2. Cakap serupa bikin.
3. Bijak mengutamakan ilmu-ilmu yang lebih penting berbanding ilmu-ilmu lain yang sekadar penting.
4. Hidup zuhud.
5. Menjaga jarak hubungan dengan pemerintah. Berurusan dengan mereka hanya dalam hal-hal penting, bukannya bergaul rapat dan bergelumang dengan mereka.
6. Sangat berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata.
7. Banyak beri perhatian kepada ilmu-ilmu yang berkait dengan soal hati.
8. Berusaha keras untuk menguatkan al-yaqin (kita sudah jelaskan perbezaan yakin ilmu falsafah dengan yakin ilmu tasawuf).
9. Nampak kewarakan dirinya pada pandangan mata kita.
10. Ambil berat pelajaran tentang sifat-sifat mazmumah.
11. Melebihkan pemahaman dan penghayatan berbanding hafalan, walaupun kedua-duanya penting.
12. Menjauhi perkara-perkara bid'ah.

Apakah antara tanda seseorang itu ulama dunia?

1. Menggunakan ilmu agamanya untuk mendapatkan kesenangan duniawi.
2. Cakap tak serupa bikin.
3. Banyak beri perhatian kepada ilmu-ilmu penting dan kurang penting, tetapi sering terpinggir ilmu-ilmu yang lebih penting.
4. Tidak hidup zuhud. Banyak melayan kehendak-kehendak diri.
5. Asyik bergelumang dengan pemerintah.
6. Sangat suka dan mudah lagi cepat mengeluarkan kata-kata.
7. Kurang bicara soal hati, banyak tumpu ilmu-ilmu agama yang lain.

8. Kurang usahanya untuk mengutakan al-yaqin.
9. Kelihatan tidak warak.
10. Kurang memberatkan pengetahuan tentang sifat-sifat mazmumah.
11. Lebih tumpu usahanya untuk mengumpul ilmu dna mengingat ilmu berbanding memaham dan menghayati.
12. Suka melakukan perbuatan bid'ah.

BAB 7 - HAKIKAT AKAL & BAHAGIAN-BAHAGIANNYA

Apakah bukti bahawa akal itu sesuatu yang mulia?

Secara mudahnya, kita sudah maklum akan kemuliaan ilmu dalam pelajaran yang sudah-sudah. Ilmu yang mulia itu di manakah tempatnya? Bukankah bertempat pada akal? Maka, sudah tentulah akal itu juga mulia kerana ia tempat terletakanya ilmu yang bersifat mulia itu.

Apakah 4 pengertian akal?

1. Akal sebagai sesuatu yang membezakan antara manusia dengan haiwan. Akal jenis ini ialah satu kad memori yang dimasukkan siap-siap ke dalam diri manusia sejak lahir lagi, tetapi kad memori ini masih kosong. Walaupun kosong, ia mampu untuk menerima kemasukan ilmu. Semua manusia normal ada akal jenis ini.
2. Akal sebagai sesuatu yang mengetahui ilmu yang mudah-mudah, sebagaimana akal kanak-kanak. Semua manusia normal ada akal jenis ini.
3. Akal sebagai sesuatu yang mengetahui banyak ilmu pengetahuan. Orang yang rajin belajar dan banyak tahunya, mereka memiliki akal jenis ini, mengikut bidang masing-masing. Tidak semua orang ada akal jenis ini. Dinamakan akal intelektual.
4. Akal sebagai suatu keupayaan diri untuk mengawal hawa nafsu. Inilah akal yang mahu dicapai dalam ilmu tasawuf.

Akal jenis 1 dan jenis 2 adalah tabiat semulajadi manusia normal. Akal 1 dan 2 ini wujud dengan sendirinya.

Akal jenis 3 dan jenis 4 tidak wujud sendiri melainkan kena diusahakan. Kena bekerja keras untuk mendapatkannya.

Tazkirah Facebook ke-16 (Mac 7, 2012)

Rajin mendengar ceramah popular memang bagus, tapi... rajin mendengar ceramah popular DAN rajin juga mendengar kuliah bersiri (berkitab), adalah lebih bagus.

Ceramah popular dapat mencetuskan rasa suka kepada agama dan ilmu-ilmunya. Ceramah popular juga dapat mengekal malah menambahkan rasa itu bagi mereka yang sudah sedia suka akan agama dan ilmu-ilmunya.

Namun dengan hanya rajin mengikuti ceramah-ceramah popular, tidak dapat menjadikan seseorang itu banyak ilmu agamanya walaupun memang ada pertambahan. Tidak ada orang yang hanya menghabiskan usahanya mengejar ceramah-ceramah popular bertahun-tahun, kemudiannya kita dapat tahu dia berjaya menjadi seorang ilmuwan agama. Tidak ada.

Untuk mendapatkan pemantapan, pelambakan dan pendalaman ilmu-ilmu agama, kita hendaklah rajin pula mengikuti kuliah-kuliah bersiri. Terbukti, ramai juga mereka yang rajin mengejar kuliah-kuliah bersiri, bertahun-tahun selepas itu akhirnya berjaya pula menjadi seorang pengajar (atau sekurang-kurangnya ada ilmu sebagaimana pengajar sekalipun dia tidak mengajar).

Teruskanlah mendengar/mengikuti ceramah-ceramah popular, tapi luangkanlah juga masa untuk mendengar/mengikuti kuliah-kuliah bersiri (sama ada secara langsung ataupun melalui media seperti internet), sekalipun kita tidak bercita-cita untuk menjadi seorang pengajar suatu hari nanti. Tapi... takkanlah kita tak mahu mentarbiyyah isteri dan anak-anak? Cukupkah ilmu dan motivasi dari ceramah-ceramah popular sahaja untuk mengajar agama kepada mereka?

Ceramah popular isinya bersifat umum. Huraian dan bahasannya terdapat dalam pengajian berkitab. Oleh itu, jangan berpuas hati sekadar dengan menjadi seorang peminat ceramah popular. Jadilah juga peminat tegar kuliah bersiri (berkitab). Jumpa lagi :)

Abu Zulfiqar

ANTARA KEPENTINGAN KITAB ILMU DALAM KITAB IHYA' INI

Kitab Ilmu dalam kitab Ihya' 'Ulumiddin ini sangat penting. Sebab itulah Imam Al-Ghazali meletakkannya di awal-awal kitab, bahkan mendahului Kitab Tauhid! Kitab Tauhid pun diletakkan pada urutan ke-2! Maksudnya tentu ada sesuatu (sebenarnya banyak) perkara penting yang Imam mahu kita hadamkan terlebih dahulu sebelum diri kita sesuai untuk mendalami kitab-kitab seterusnya.

Selepas ini kita akan masuk Kitab Tauhid, satu bab yang sangat ditunggu-tunggu daripada kitab Ihya' ini. Oleh itu, kita sangat -sangat berpesan... agar sesiapa yang mahu mengikuti kupasan Kitab Tauhid nanti, hendaklah menyelesaikan pengajian Kitab Ilmu terlebih dahulu. Bukan saja-saja Imam menulis Kitab Ilmu panjang lebar dan diletakkannya di awal kitab Ihya' 'Ulumuddin. Untuk memahami dan menghayati bab-bab

seterusnya dalam Ihya' mungkin kita boleh, tetapi untuk sampai ke tahap menghayati, kuncinya ada dalam Bab Ilmu. Di situ antara rahsianya.

Kitab Ilmu ialah manual kepada pembinaan bahtera Ihya' 'Ulumuddin. Jika kita mengabaikan manualnya lalu terus sahaja mahu menggunakan alat-alatnya lalu membina bahtera yang seperti bahtera Ihya' 'Ulumuddin, bahtera itu mungkin boleh siap dan seiras rupa, tetapi akan jauh berbeza dari sudut-sudut yang lain.

Bahtera Ihya' 'Ulumuddin meluncur laju, bahtera kita perlahan.

Bahtera Ihya' tiba awal, kita masih di tengah lautan.

Bahtera Ihya' tahan lama, bahtera kita baru dipakai pun sudah longgar skru dan paku, berbunyi apabila dipijak atau disandar, asyik kena tukar kena perbaik.

Bahtera Ihya' tetap cantik, bahtera kita walaupun belum lama tapi sudah kelihatan lusuh dan buruk.

Bahtera Ihya' bersih dan kemas, bahtera kita kotor dan berselerak.

Bahtera Ihya' tepat binaannya, bahtera kita kiat sana senget sini.

Bahtera Ihya' selesa dalamannya, bahtera kita sempit luas tidak menentu.

Kerana apa? Kerana mengabaikan manualnya... iaitu Kitab Ilmu.

Selesaikan Kitab Ilmu terlebih dahulu, lebih-lebih lagi kepada mereka yang mengikuti pengajian kitab Ihya' ini melalui internet. Biar diulang-ulang, lagi bagus.

PENUTUP KITAB ILMU

Imam Al-Ghazali menulis : “Telah sempurnalah Kitab Ilmu (kitab pertama daripada 40 kitab dalam Ihya’ ‘Ulumuddin) dengan pujian dan nikmat Allah Ta’ala. Rahmat Allah kepada penghulu kita Muhammad saw dan kepada setiap hamba-Nya yang terpilih dari kalangan penghuni bumi dan langit, di mana akan disambung pula dengan Kitab Qawa’idul ‘Aqaid insya-Allah. Segala pujian untuk Allah Yang Maha Esa pada awal dan pada akhirnya.”

*Semua rakaman kuliah kitab Ihya’ ‘Ulumuddin di Surau Al-Akhbar ini boleh diulang2 tonton di <http://ihyaalakhbar.blogspot.my/>

Inysa-Allah jumpa lagi dalam kitab kedua dalam kitab Ihya’ ‘Ulumuddin ini iaitu Kitab Tauhid.